

MTEN pemangkin capai empat teras Bajet 2017

UM 16/11

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS**

pengarang@utusan.com.my

■ **IPOH 15 NOV.**

KERAJAAN negeri menggerakkan semula Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dengan peruntukan RM100 juta untuk mencapai empat teras yang digariskan di dalam Bajet 2017 negeri Perak yang dibentangkan hari ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir berkata, teras pembangunan dalam Bajet 2017 ialah membangunkan sektor perumahan yang sebahagian besarnya untuk perumahan rakyat dan melengkapi rangkaian infrastruktur kawasan perindustrian.

Menurutnya, fokus juga diberi untuk menangani kos sara hidup rakyat seperti menerima bantuan makanan dan Kedai Bergerak 1Amanjaya serta galakan pelancongan sempena Tahun Melawat Perak 2017.

Katanya, MTEN akan bertindak sebagai badan penasihat yang efektif dan proaktif serta bertanggungjawab dalam merangka strategi bagi menghadapi cabaran ekonomi yang sentiasa berada dalam ketidaktentuan akibat faktor-faktor luar.

“Selain itu, MTEN juga akan berperanan memastikan sektor ekonomi yang perlu digerakkan pada kadar segera, di samping memilih program kesejahteraan rakyat yang perlu diutamakan.

“Ini termasuklah memberi penekanan khusus kepada pembangunan perumahan kos rendah dengan menyediakan peruntukan bagi pembangunan projek di bawah maksud berkenaan,” katanya ketika membentangkan Bajet 2017 negeri Perak dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini hari ini.

Dalam pembentangannya, Zambry membentangkan Bajet 2017 berjumlah RM1.07 bilion dengan RM806 juta untuk perbelanjaan

mengurus manakala RM253.25 juta untuk perbelanjaan pembangunan.

Menurutnya, sebanyak RM401 juta diperuntukkan untuk pembangunan sektor sosial dan kesejahteraan rakyat yang menerima agihan tertinggi iaitu RM304.17 juta.

Katanya, ini diikuti peruntukan dalam pembangunan infrastruktur berjumlah RM79 juta dan RM18.6 juta untuk sektor ekonomi.

“Dengan mengambil kira unjuran hasil dan terimaan pembangunan serta perbelanjaan mengurus dan pembangunan, Bajet 2017 diunjurkan sebagai bajet defisit sebanyak RM129.67 juta.

“Peningkatan anggaran belanjawan defisit ini disebabkan peruntukan ‘Rolling Plan’ kepada MTEN sebanyak RM100 juta. Sekiranya tidak mengambil kira caruman ini, defisit belanjawan adalah RM29.68 juta,” katanya.

Menurut Zambry, membantu rakyat memiliki kediaman selesa

dan mampu milik kepada seluruh golongan sasar menjadi keutamaan kerajaan negeri dalam bajet kali ini.

Beliau berkata, untuk itu bagi tahun depan, program bantuan perumahan akan diteruskan dengan penyediaan peruntukan sebanyak RM5 juta meliputi Skim Infra Bina Baru Kediaman dan Skim Infra Baik Pulih Kediaman.

Katanya, selain itu bantuan pinjaman perumahan di bawah Skim Rumah Insan Amanjaya (SRIA) yang diperkenalkan sejak tahun 2012 dengan pinjaman tanpa faedah akan diteruskan.

“Sehingga 31 Oktober lalu, seramai 166 orang menerima rumah SRIA dengan nilai pinjaman RM11.4 juta termasuk kos-kos pengurusan.

“Pelaksanaan SRIA akan diteruskan dengan kaedah penyelarasan dan agihan yang lebih teratur. Justeru, bagi tahun 2017, program SRIA akan diteruskan dengan peruntukan RM10 juta,” katanya.